

## **Restu**

(Kepada Kekasih)

Wahai adik, wahai jiwa kesayangan abang,

Mari kita berdendang sayang merayu rawan

menyanyi, menari, di taman puspa berpasangan

mendendangkan lagu ria di syurga Tuhan.

Dipeluk erat, engkau menangis tersedu-sedan

Di dalam taman engkau menyanyi lagu kesayuan.

Pada adik dicubit pipi, tanda sayang

Pada ayah, ditendang terajang, tanda melawan

Kerana kebenaran aku berjuang, kita berkorban.

Tiada sakti, menghancur keimanan,

Tiada kata seindah bahasa memuji keislaman

Tiada yahasa<sup>1</sup> seindah kata untuk adik kesayangan.

Tiada lagi kejernihan air di tasik biru.

Irama takbir melagu wahyu menusuk kalbu dipupus bayu

Terdengar sayup di hembusan bayu, lagu merdu.

Di samar bulan memujuk merayu

Melafazkan selawat restu mendayu.

Kepada kebenaran dan hakikat kita menuju.

Kolej Islam Malaya,

– Sastrawardi

7 November 1961.

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah ‘bahasa’.